

15/05/2002

Umno tumpu pilihan raya: Pak Lah

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Umno kini memberi tumpuan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan meningkatkan segala kegiatan yang dapat memantapkan lagi jentera parti itu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno itu juga membayangkan kemungkinan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) parti akan diadakan selepas pilihan raya umum nanti.

"Sepatutnya (pemilihan MT) 2003, jadi saya tidak menyatakan sama ada ia akan ditangguhkan atau tidak. Ini satu perkara yang mesti diputuskan secara rasmi oleh MT.

"Jadi saya tak kata apa-apa selain daripada saya katakan semangat pindaan kepada perlembagaan Umno adalah bermaksud, ia mungkin tidak diadakan (sebelum pilihan raya)," katanya.

Abdullah berkata, pindaan perlembagaan Umno sebelum ini membolehkannya mengadakan pemilihan sekali dalam jangka masa pilihan raya umum atau di antara dua pilihan raya, bukan lagi mengikut penggal Dewan Rakyat (lima tahun) seperti yang pernah dicadangkan tetapi ditolak.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan Baton Jubli Ratu bagi merayakan ulang tahun ke-50 Ratu Elizabeth dan sempena penganjuran Sukan Komanwel ke-17 oleh Manchester di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas sama ada gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa masih berleluasa dalam Umno sekarang sehingga Lembaga Disiplin parti itu mahu memperketatkan lagi Kod Etika Ahli.

Semalam, Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail berkata pihaknya akan membentangkan cadangan tambahan Kod Etika Ahli yang lebih ketat kepada pengurusan parti bagi membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa ketika pemilihan peringkat bahagian dan MT akan datang.

Pemilihan bagi peringkat MT Umno dijangka diadakan pada 2003. Mengikut pindaan perlembagaan Umno pada November 2000, mesyuarat peringkat cawangan, bahagian dan MT akan dijalankan setiap tiga tahun sekali.

Sabtu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi bayangan kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan lebih awal dan memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa BN mungkin memperoleh majoriti kemenangan lebih besar.

Abdullah berkata, beliau tidak nampak gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa berleluasa dalam Umno sekarang kerana tiada pemilihan di peringkat bahagian dan MT dalam tempoh terdekat ini.

"Sebab kita memberi perhatian sepenuhnya kepada persediaan dan aktiviti parti yang akan dapat memperkukuhkan lagi Umno, meningkatkan lagi pengaruhnya untuk menghadapi pilihan raya," katanya.

Beliau berkata, ketika mesyuarat pemilihan peringkat cawangan Umno diadakan di seluruh negara baru-baru ini, masalah itu tidak timbul.

Katanya, jika ada pun gejala itu, ia menjadi kelaziman berlaku ketika pemilihan peringkat MT "dan saya tidak nampak kita akan ada pemilihan (MT) dalam masa yang awal".

Mengenai kod etika itu, beliau berkata ia selalunya diperkenalkan apabila Umno mengadakan pemilihan sebagai garis panduan kepada ahli ketika berkempen bagi membanteras gejala tidak sihat dalam parti.

Namun, beliau berharap Tengku Ahmad Rithauddeen akan mengemukakan pandangan mengenai perkara itu kepada jawatankuasa pengurusan parti yang dipengeruskannya berasaskan pengalaman ahli politik veteran itu.

Katanya, jika dirasakan wajar kod etika untuk ahli itu diperketatkan

lagi, maka langkah ke arah itu akan dilakukan kerana tujuannya baik bagi membanteras gejala rasuah serta penyalahgunaan kuasa di kalangan ahli parti.

Mengenai Puteri Umno, Abdullah berkata sayap ketiga dalam parti itu akan mengadakan mesyuarat agung bagi menyusun struktur barisan kepemimpinannya pada semua peringkat menjelang akhir tahun ini.

Katanya, Kod Etika Ahli yang dimaksudkan oleh Tengku Ahmad Rithauddeen itu juga mungkin diguna pakai oleh ahli Puteri Umno dalam pemilihan nanti.

Abdullah bagaimanapun tidak menolak kemungkinan pemilihan untuk Puteri Umno dibuat serentak dengan pemilihan Umno bagi peringkat bahagian dan MT pada masa akan datang.

Beliau berkata, pemilihan untuk Puteri Umno sebelum akhir tahun ini adalah bagi menstruktur kepemimpinannya apabila pindaan bagi mengesahkan kewujudannya dibuat pada mesyuarat khas sempena Perhimpunan Agung parti 20 Jun ini.

(END)